

Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



TOURISM
MALAYSIA
2016

BERITA JMM JILID 17/ BIL.3

SEPT - DIS 2015

ISSN 2231 - 8321



Perasmian Pameran "Porselin Biru Dan Putih : Pada Akhir Dinasti Yuan Dan Awal Dinasti Ming" disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada 22 November 2015

Berita Lanjut di muka surat 10

MENARIK DI DALAM

- *Festival Gambus Serantau 2015
- *Program Inspirasi Merdeka
- *Apa itu GEOPark?

KENALI MUZIUM NEGARA

Muzium Negara, sebuah bangunan indah bercirikan senibina Melayu tradisional berdiri megah di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur sebagai gedung khazanah sejarah negara. Kini Muzium Negara yang baru selesai dinaiktaraf pada tahun 2008, tampil lebih menarik dan interaktif dalam membawa pengunjung menerokai sejarah Malaysia bermula dari era prasejarah hingga ke Malaysia kini.

Reka bentuk bangunan Muzium Negara adalah bercirikan elemen estetik dan ukiran bangunan Istana Melayu tradisional. Reka bentuk yang tersergam indah ini dipilih sendiri oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj iaitu Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Seni bina bangunan Muzium Negara disokong oleh 26 batang tiang konkrit yang telah diubahsuai bagi mengekalkan ciri-ciri istana Melayu tradisional. Konsep 26 batang tiang ini berdasarkan kepada gabungan 13 tiang yang terdapat pada bahagian timur dan 13 tiang lagi pada bahagian barat bangunan, yakni melambangkan Malaysia dibentuk daripada 13 buah negeri.



Bangunan Muzium Negara berukuran 362 kaki panjang, 60 kaki lebar dan 124 kaki tinggi dari bahagian tengah bangunan ke bahagian bumbungnya dibina setinggi tiga (3) tingkat, merangkumi Tingkat Bawah, Tingkat Satu dan Tingkat Dua. Senibina muzium ini diilhamkan berdasarkan rekabentuk Istana Melayu dan disokong oleh 13 batang tiang bagi setiap bahagian kiri dan kanan bangunan yang melambang gabungan 13 buah negeri ketika itu. Dinding bangunan dicat dengan warna coklat kemerahan dan diperbuat daripada simen konkrit jenis kalis api. Sebahagian permukaan dinding dihiasi ukiran berkonsepkan gabungan corak dan motif Tradisional Melayu lama hasil kreativiti pelukis dan pengukir terkenal tanah air. Terdapat dua buah Mural diletakkan pada dinding bangunan yang menghala ke arah Jalan Travers dengan tiap satunya berukuran 115 kaki panjang dan 20 kaki tinggi yang menceritakan rentetan sejarah dan kepelbagaian budaya masyarakat Tanah Melayu serta kekayaan hasil kraf dan ekonomi masyarakat setempat.



- 6 **Lidah Pengrang**
Dari Meja Ketua Pengarah
- 7 **Cerita Muka Depan**
Pameran Porselin Biru dan Putih:
Pada Akhir Dinasti Yuan dan Awal Dinasti
Ming
- 9 Imbasan Program Utama 2015
- 11 Pertandingan Seni Suara Burung 2015



Program Pendidikan

- 15 **Program Jangkauan Dalam Explorace**
Chimney Perdana 2015



- 18 **Program Inspirasi Merdeka**



- 16 **Sekitar Hari Muzium Antarabangsa 2015**



Eksklusif

- 20 **Apa itu GeoPark?**
- 22 **Rentetan Sejarah 50 Tahun**
Muzium Negara



Program Pendidikan

- 28 **Perkongsian Ilmu Bersama**
ahli Sejarahwan,
Lynette Silver:
Merungkai Misteri Chimney
- 29 **Bicara dunia Melayu:**
Tradisi Pelayaran Melayu





25 Bina Insan

Kursus Asas Keselamatan Perlindungan,
Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
Anjuran Jabatan Muzium Malaysia
Wilayah Persekutuan Labuan

26 Tahukah Anda

TRIVIA: Struktur Kain Sarung



Nama Koleksi : **Patung Avalokitesvara**

Kapsyen : Patung Avalokitesvara ini ditemui di sebuah lombong bijih timah milik Anglo Oriental, Bidor, Perak pada 1936. Ia diperbuat daripada gangsa dan mempunyai lapan tangan namun satu daripadanya telah patah. Mengikut pentarikhan, patung ini dianggarkan wujud antara kurun ke-7 hingga 12 masihi pada zaman peradaban Hindu-Buddha. Berat patung ini ialah 140 paun dan tinggi 93 sm

Aktiviti

30 Program SMART Kids 2015



Bengkel Kurasi Tulang Gajah



Nama Koleksi
Dimensi
Kapsyen

: **Loceng Gangsa**

: Tinggi - 58 cm, Lebar - 32 cm

: Loceng Gangsa yang ditemui di Kampung Pencu, Muar, Johor ini dipercayai digunakan sebagai lambang kuasa dan status pemiliknya. Reka bentuk dan corak yang terdapat pada loceng gangsa ini membuktikan ia berasal dari tempat yang sama dengan gendang Dong Son yang lain. Berdasarkan pertarikan thermoluminescence, ia dipercayai dihasilkan sekitar 15 CE iaitu bersamaan dengan perluasan kuasa kerajaan Funan.



DARI MEJA KETUA PENGARAH

Muzium sering kali dianggap oleh sebilangan anggota masyarakat sebagai satu gudang sejarah yang statik. Terdapat juga anggapan bahawa aktiviti permuziuman hanya tertumpu kepada pameran artifak sejarah dan kebudayaan negara sahaja. Namun, persepsi konservatif seperti ini sepatutnya tidak lagi relevan dalam konteks muzium masa sekarang.

Kini, Institusi permuziuman sudah melangkau jauh ke hadapan. Di persada antarabangsa, muzium telah diangkat sebagai salah satu pusat penyelidikan yang terulung, dilengkapi dengan infrastruktur yang moden dan canggih serta mampu melahirkan intelektual-intelektual yang berfikir kritis dan inovatif. Bahkan, ianya telah menjadi sebuah 'communal center', atau pusat komuniti di mana aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan dilaksanakan di muzium. Aktiviti-aktiviti ini berjaya menarik ribuan pelancong di dalam dan luar negara datang berkunjung ke muzium.

Dalam mengharungi dunia teknologi yang serba canggih serta persaingan yang hebat, dunia permuziuman seharusnya perlu lebih bijak dan terbuka untuk menyesuaikan diri supaya terus diterima masyarakat. Perkhidmatan permuziuman di Malaysia juga perlu bangkit untuk menilai semula peranannya selaras dengan program 'Transformasi' yang dilaungkan kerajaan. Penilaian ini penting untuk menjamin agar muzium tidak terus terpinggir dari arus perdana. Penghayatan dan kesedaran di kalangan penggiat-penggiat muzium amat penting dalam menetapkan hala tuju muzium. Muzium harus bergerak dengan pendekatan yang lebih bijak untuk meyakinkan masyarakat mengenai kehadirannya.

Justeru dalam usaha memenuhi tuntutan tersebut, muzium harus diletakkan pada landasan yang jelas dan sistematik. Perhatian harus diberikan kepada aspek mendidik dan membudayakan masyarakat untuk menghayati tamadun dan warisan bangsa sebagai kekuatan ke arah pembentukan jati diri. Penerapan ini perlu dilaksanakan secara konsisten pada setiap peringkat terutamanya di kalangan pelajar-pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi dan guru-guru. Sewajarnya nilai-nilai intrinsik harus dijadikan teras perkhidmatan. Senario ini secara tidak langsung akan mengembalikan martabat muzium sebagai institusi yang terus relevan kepada masyarakat dan negara.

"Negara yang tanpa Muzium umpama Negara yang tanpa tamadun"

Kamarul Baharin bin A. Kassim

Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia



EDITORIAL

Penasihat

Kamarul Baharin bin A. Kassim

Ketua Editor

Mohd Azmi bin Mohd Yusof

Editor

Azmi bin Ismail

Razaimi bin Mamat

Samsol bin Sahar

Penyelaras

Nor Hasni binti Che Hassan

Fotografi

Unit Sumber Media

Edaran

Unit Perpustakaan

Diterbitkan oleh

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara

50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603)22671000 (+603)22826255

Faks: (+603)22826434

<http://www.jmm.gov.my>

Dicetak oleh

Maziza Sdn. Bhd.

Berita JMM diterbitkan 3 bulan sekali. Buletin ini juga boleh dimuat turun daripada laman web JMM.

PAMERAN PORSELIN BIRU DAN PUTIH : PADA AKHIR DINASTI YUAN DAN AWAL DINASTI MING

Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama China Association Culture Inspiration telah mengadakan satu pameran sementara bertajuk “Porselin Biru dan Putih : Pada Akhir Dinasti Yuan dan Awal Dinasti Ming” yang telah berlangsung pada 22 November 2015 hingga 26 Disember 2015 bertempat di Galeri 1 dan Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia. Pameran yang mempamerkan 111 koleksi biru dan putih dari Jing Chengtang Museum dan pengumpul persendirian dari negara China ini telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah pada 22 November 2015 jam 2.30 petang. Pameran ini diadakan berikutan lawatan Perdana Menteri People's Republic of China ke Malaysia sempena menghadiri 27th ASEAN Summit di Kuala Lumpur.



Terdapat enam koleksi yang belum pernah dipamerkan kepada umum yang menjadi tarikan utama pelawat sepanjang pameran ini berlangsung serta koleksi terpilih yang lain. Selain itu, demonstrasi pembuatan seramik juga diadakan sepanjang pameran ini berlangsung. Selain dapat menghimpunkan peminat porselin seluruh dunia yang datang berkunjung ke Muzium Negara, jalinan kerjasama ini juga dapat memperkukuhkan hubungan antara Malaysia-China setelah 41 tahun termetrainya

perjanjian hubungan diplomatik antara kedua negara yang secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan yang lebih spesifik dalam bidang sejarah, budaya dan warisan.

Pameran ini juga telah menarik perhatian pengunjung dari dalam dan luar negara yang telah memberi manfaat kepada sektor pelancongan serta ekonomi negara.





PERTANDINGAN KERETA KAWALAN JAUH DI MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL

30 Mei 2015(Sabtu), Muzium Automobil Nasional telah menganjurkan Pertandingan Kereta Kawalan Jauh. Pertandingan ini disertai oleh pelajar-pelajar sekolah kawasan sekitar dan sasaran adalah pelajar-pelajar sekolah kebangsaan tahun 5 dan 6. Sebanyak 50 penyertaan telah diterima dan pihak muzium terpaksa membuat saringan bagi mendapat 16 peserta untuk bersaing dalam perlumbaan yang akan dilangsungkan. Hadiah disediakan untuk tempat pertama hingga tempat ke empat.

PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM NEGARA

Program Bermalam di Muzium Negara telah diadakan pada 30-31 Ogos 2015. Para peserta berjumlah 200 orang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah di sekitar Lembah Klang berumur antara 13 hingga 17 tahun. Melalui program ini, mereka diminta untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta menterjemahkannya ke dalam bentuk persembahan berdasarkan pilihan tema isu-isu semasa. Selain itu, peserta juga diberi kesempatan merasai detik-detik cemas dengan demonstrasi serang hendap yang membawa mesej bahawa keamanan yang dikecapi hasil kemerdekaan ini sekelip mata boleh direnggut sekiranya mereka alpa dan lalai. Emosi peserta sekali lagi tersentuh dengan tayangan multimedia memaparkan keadaan negara-negara yang dihipit pergolakan mengakibatkan ramai nyawa insan tidak berdosa terkorban. Program selama 2 hari 1 malam ini berakhir dengan jayanya dan ianya telah menjadi perintis bagi permulaan untuk kelangsungannya dilaksanakan di muzium-muzium seluruh negara pada masa akan datang.



PROJEK RINTIS 1 PELAJAR 1 MUZIUM (1P1M) BERSAMA INSTITUT PERGURUAN GURU KAMPUS BAHASA MELAYU

Pada 7 April 2015 (Selasa), Muzium Negara telah melaksanakan projek rintis pertama program 1 Pelajar 1 Muzium (1P1M) bersama dengan Institut Perguruan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM), Kuala Lumpur. Para peserta terdiri daripada 27 orang pelajar bersama empat orang orang pensyarah. Turut hadir ialah Pn. Noriza bt. Sulaiman, Ketua Jabatan Sains Sosial IPGKBM. Projek ini dikendalikan oleh 13 orang pegawai pelaksana dari Jabatan Muzium Malaysia (JMM) termasuk Muzium Negara. Projek rintis ini diadakan hasil persetujuan yang telah dicapai bersama di antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pelaksanaan Program 1P1M yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Profesional KPM Bil.02/2015 pada 15 Januari 2015. Program ini dimulakan dengan taklimat oleh Pengarah Muzium Negara, Encik Mohd. Azmi Mohd. Yusof. Setelah itu, satu sesi pengajaran dan pembelajaran di antara pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah telah dijalankan di Ruang Penerokaan selama satu jam.

PROGRAM KENALI MUZIUM 2015

Program Kenali Muzium anjuran Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada para pelajar mengenai dunia permuziuman. Program ini diadakan sebanyak dua siri iaitu pada 9 Mei 2015 dan 8 Ogos 2015. Seramai 30 orang pelajar dari dua buah sekolah rendah telah menyertai program tersebut pada siri 1 iaitu SK Bebuloh dan SK Lubok Temiang, manakala tiga buah sekolah menengah iaitu SM St Anne, SMK Pantai dan SMK Lajau telah menyertai semasa program siri 2 dengan melibatkan seramai 60 orang pelajar.





MAJLIS PERASMIAN MUZIUM KOTA KAYANG

25 Mei 2015, Muzium Kota Kayang dengan kerjasama kerajaan Negeri Perlis telah menganjurkan Majlis Jamuan Teh Rakyat dan Perasmian Muzium Kota Kayang sempena Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis yang ke-72. Program ini dihadiri lebih kurang 3000 pengunjung sekitar negeri Perlis. Turut Berangkat sama ke majlis ini ialah Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Menteri Besar Perlis YAB Dato' Seri Azlan bin Man, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, wakil-wakil rakyat dan kenamaan-kenamaan lain.

BICARA ADIGURU: JALINAN DAN HARAPAN

Program Bicara Adiguru dengan tajuk Jalinan dan Harapan telah diadakan pada 28 Mei 2015 yang lalu bertempat di Auditorium, Jabatan Muzium Malaysia. Program bicara ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Sulaiman Abdul Ghani yang merupakan Pensyarah dan Pengarah Media Kreatif dan Teknologi Hub di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Objektif utama program sebegini diadakan adalah untuk meluaskan ilmu berkaitan Tenun Pahang DiRaja kepada peserta sasaran. Program ini telah berjaya menarik minat seramai 200 orang peserta dari pelbagai agensi dan institusi.



PROGRAM WAU YANG WOU!

Pada 24 hingga 26 April 2015 yang lalu, Muzium Kota Kayang, Kuala Perlis telah Menganjurkan Program Wau Yang Wou! sempena musim angin timur. Program ini yang berlangsung selama 3 hari di Dataran Muzium Kota Kayang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Objektif program ini ialah meningkatkan kesedaran tentang kepentingan permainan tradisional masyarakat melayu sebagai salah satu permainan warisan yang boleh menyumbang kepada pengetahuan tentang budaya dan kehidupan masyarakat silam. Program ini dirasmikan oleh Y.B. Ir. Shaharuddin Bin Ismail, Ahli Parlimen Kangar.

PAMERAN RACUN DAN BISA

Pameran Racun dan Bisa telah diadakan selama tiga bulan di Jabatan Muzium Malaysia bermula pada 31 Julai 2015 sehingga 31 Ogos 2015 bertempat di galeri 2 dan Galeri Emas. Secara keseluruhannya, pameran yang berlangsung selama 3 bulan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.



PERTANDINGAN SENI SUARA BURUNG

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

DENGAN KERJASAMA

PERSATUAN SENI SUARA BURUNG KL & SELANGOR 2014

6 September 2015

PERTANDINGAN SENI SUARA BURUNG 2015

Raja Suriaty binti Raja Ahmed

Pertandingan Seni Suara Burung 2015 merupakan salah satu usaha Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) untuk mengangkat warisan kesenian memikat dan menjinakkan burung yang merupakan salah satu warisan tinggalan nenek moyang masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman. Selain itu, pertandingan ini juga diharap dapat menarik generasi muda dengan aktiviti yang boleh mengisi masa lapang mereka.

Pertandingan ini telah diadakan buat julung-julung kalinya pada 6 September 2015 yang lalu di perkarangan Dataran Muzium Negara dengan jumlah penyertaan sebanyak 170 ekor burung. Pihak Muzium Etnologi Dunia Melayu telah berkerjasama dengan pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Persatuan Seni Suara Burung Kuala Lumpur dan Selangor 2014 (PSSBKLS) melalui pertandingan ini. Kategori yang dipertandingkan ialah Merbah Jambul (gaya), Merbah Jambul (marathon), Murai Batu dan Sangkar Tercantik. Antara aspek pemarkahan yang diambil kira antaranya adalah berdasarkan kelunakan kicauan burung yang dipertandingkan serta gaya badan. Hadiah pertandingan telah disampaikan oleh Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia. Hadiah pertandingan berupa trofi dan sijil penyertaan. Turut hadir ialah Pengarah PERHILITAN Wilayah Persekutuan, Encik Dzumie Heriman Mohd dan Pengerusi Persatuan Seni Suara Burung Kuala Lumpur dan Selangor, Encik Ernie Wong.





FESTIVAL GAMBUS SERANTAU 2015

Raja Suriaty Binti Raja Ahmed

Festival Gambus Serantau 2015 telah berlangsung dari 21 November hingga 29 November 2015 di Jabatan Muzium Malaysia. Festival ini diadakan sebagai tanda sokongan kepada pelaksanaan program *My Year of Festivals 2015* (MyFest) dan juga bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan. Selain itu, Festival Gambus Serantau 2015 ini juga dapat dijadikan sebagai medan bagi Jabatan Muzium Malaysia untuk mengangkat gambus sebagai alat muzik tradisional yang melambangkan budaya seni warisan negara.

Bersempena dengan festival ini, pelbagai program telah diadakan iaitu Pameran Gambus Serantau : Keindahan Gambus dalam Seni Muzik, Klinik Gambus, Bicara Gambus Perdana, Persembahan Gambus, Pertandingan Gambus Solo dan Pertandingan Rupa Bentuk Gambus. Selain itu, pengunjung juga dapat melihat cara-cara dan teknik pembuatan gambus melalui demonstrasi pembuatan gambus oleh Encik Halidan bin Ithnin, iaitu pembuat gambus terkenal dari Johor.

Majlis Perasmian Festival Gambus Serantau 2015 telah disempurnakan oleh YB. Datuk Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin, Timbalan Menteri, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 23 November 2015. Pada majlis perasmian ini juga turut diadakan penyampaian sijil penghargaan kepada 5 orang penggiat gambus Malaysia iaitu Encik Halidan bin Ithnin, Encik Sulaiman bin Jabidin, Encik Tajul Munchi, Encik Awang Besar dan Encik Mohd Diah.

Pameran Gambus Serantau : Keindahan Gambus dalam Seni Muzik telah diadakan di Galeri 3, Jabatan Muzium Malaysia bermula pada 21 November 2015 hingga 15 Januari 2015. Pelbagai koleksi gambus dari Johor, Sabah, Mesir, Iran dan Turki dipamerkan untuk tatapan dan maklumat orang ramai. Antara koleksi-koleksi yang dipamerkan ialah Barbat milik Prof. Emeritus Dato' Ghouse Nasuruddin, gambus milik Allahyarham





Fadzil Ahmad dan gambus milik Encik Mohd Diah, Encik Sulaiman Jabidin, Encik Tajul Munchi dan Encik Awang Besar. Antara keunikan pameran ini ialah pengunjung dapat merasai pengalaman terapi irama gambus melalui ruang khas yang disediakan di dalam galeri pameran. Terapi irama gambus ini dipercayai dapat mengubati tekanan dan beberapa penyakit.



Bicara Gambus Perdana yang bertemakan Keindahan dan Pelestarian Seni Muzik Gambus telah berlangsung pada 27 November 2015 di Auditorium, Jabatan Muzium Malaysia. Kertas-kertas kerja telah dibentangkan oleh 4 orang pembentang iaitu Prof. Emeritus Dato' Mohd Ghouse Nasruddin (USM), YM. Raja Zukarnain bin Raja Yusof (Pertubuhan Gambus Malaysia), Encik Mohd Nizam bin Attan (UMK) dan Tuan Haji Mohd Azam bin Sulong (UPSI).



Kemuncak kepada festival ini, adalah Pertandingan Gambus Solo dan Pertandingan Rupa Bentuk Gambus telah diadakan serentak pada 28 November 2015 di perkarangan dataran Muzium Negara. Pertandingan Gambus Solo telah dijuarai oleh peserta dari Singapura iaitu Encik Azrin Abdullah, manakala juara bagi Pertandingan Rupa Bentuk Gambus ialah Encik Mohd Diah Bin Ariifin. Hadiah pemenang telah disampaikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia iaitu Encik Kamarul Baharin Bin A. Kasim.



MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Mohd Khairul Azhar Bin Mustapa
Muzium Negara (khairulazhar@jmm.gov.my)

Pada 2 September 2015, satu Majlis serah terima tugas Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia telah diadakan bertempat di Auditorium JMM. Majlis ini merupakan peralihan tugas daripada YBhg Tuan Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff yang bersara wajib kepada YBrs Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim selaku Ketua Pengarah JMM yang baru. Ianya turut diserikan dengan kehadiran YBhg Datuk Haji Ab. Ghaffar bin A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Majlis bermula dengan persembahan nyanyian yang menampilkan dua elemen akustik dan solo daripada Kumpulan Koir Jabatan diketuai Puan Nur Suhadah binti Rahmat. Tayangan multimedia turut dipaparkan bagi mengimbau kembali saat bermulanya perkhidmatan YBhg Tuan Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff di dalam Perkhidmatan Awam khususnya di JMM. Majlis diteruskan dengan ucapan aluan YBhg Datuk Haji Ab. Ghaffar bin A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) disusuli YBhg Tuan Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff dan ucapan balas oleh YBrs Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim.

Upacara menandatangani serah terima tugas diteruskan diantara YBhg Tuan Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff dan YBrs Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim sambil disaksikan YBhg Datuk Haji Ab. Ghaffar bin A. Tambi termasuk pegawai-pegawai kanan JMM. Sebagai tanda kenang-kenangan dan kasih sayang seluruh warga JMM lakaran potret berserta 33 kuntum jambangan bunga ros simbolik kepada khidmat bakti YBhg Tuan Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff di dalam Perkhidmatan Awam. Majlis pada petang itu diakhiri dengan sesi imbasan biometrik terakhir oleh YBhg Tuan Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff. Seluruh warga JMM berkumpul di perkarangan Pejabat Ketua Pengarah sehingga ke Lobi Jabatan bagi bersalaman dan mengiringi hari terakhir perkhidmatan beliau di Jabatan Muzium Malaysia selaku Ketua Pengarah. Kenang kami dalam doamu.

TINTA PERJALANAN YANG BERBAHAGIA TUAN WAN JAMALUDDIN Bin WAN YUSOFF

YBhg Tuan Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff telah memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Peragaan pada 01 Mac 1982 di Jabatan Muzium Malaysia. Jawatan beliau kemudiannya diubah daripada Pegawai Peragaan B9 ke Penolong Kurator Gred B8. Perlantikan beliau sebagai Kurator Tingkatan Biasa bermula pada 13 Ogos 1990. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di Jabatan Muzium Malaysia, beliau telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang di samping memberi komitmen yang tinggi terhadap semua tugas dan aktiviti jabatan di samping memiliki pengetahuan yang luas dalam bidang permuziuman khususnya pameran.

YBhg Tuan Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff telah dikurniakan Darjah Kebesaran Seti Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (ASK) Tahun 1992. Beliau juga telah dikurniakan Darjah Kebesaran Yang Mulia Pangkuan Negara iaitu Ahli Mangku Negara (AMN) pada 03 Jun 1995. Di samping itu, beliau pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1993 dan 2006 dan telah dianugerahkan Penghargaan Perkhidmatan 25 Tahun pada 12 Mac 2007. Beliau Bersara Wajib pada usia 60 tahun pada 3 September 2015.



EXPLORACE CHIMNEY PERDANA 2015

Alice Jipius
alice@jmm.gov.my

Pertandingan Explorace Chimney telah diadakan pada 14 November 2015. Pertandingan ini melibatkan ketiga-tiga buah muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (JMMWPL) dan beberapa tapak bersejarah di sekitar Pulau Labuan, antaranya Taman Damai, Tugu Penyerahan Perang Dunia Kedua dan bekas Tapak Terowong Arang Batu. Pertandingan yang berkonsepkan pembelajaran dan riadah “edutainment” ini bertujuan untuk memperkasakan peranan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal dan tempat riadah kepada masyarakat dan ianya telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para peserta.

Kategori yang dipertandingkan adalah kategori terbuka dan seramai 13 buah kumpulan telah mendaftar sebagai peserta di mana setiap kumpulan dianggotai oleh lima orang ahli. Pertandingan bermula seawal jam 8.30 pagi dan hon pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Pengarah, Muzium Labuan bertempat di lokasi cabaran pertama iaitu Muzium Chimney.

Di dalam pertandingan ini, para peserta akan diuji dengan soalan dan aktiviti berkenaan sejarah dan kebudayaan masyarakat di Labuan. Setiap kumpulan perlu menyelesaikan setiap tugas di enam lokasi cabaran yang disediakan, antara cabaran yang diuji seperti bermain permainan tradisi masyarakat Labuan seperti Kuit dan senapang buluh; cari gali arkeologi; menyusun kad puzzle gambar-gambar tapak bersejarah; menumpah ambuyat dan membuat casting dan moulding hidupan marin. Kumpulan yang berjaya menyelesaikan kesemua tugas dan kumpulan terawal yang sampai ke lokasi cabaran terakhir iaitu Menara Chimney dikira sebagai pemenang Pertandingan Explorace Chimney 2015. Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Cik Salmiahwati Djafar, Pengarah Muzium Labuan dan program berakhir pada jam 3.00 petang.



SEKITAR HARI MUZIUM ANTARA



Acara sukan pada 2 Ogos 2015



Bola Sepak Pengarah vs MB Perak di Stadium Perak pada 3 Ogos 2015



Pertandingan Bowling di Ipoh Parade

MABANGSA 2015 DI IPOH PERAK



Hari Komuniti Muzium di Chemor pada 3 Ogos 2015



Perasmian Hari Muzium Ipoh di Ipoh Parade pada 1 Ogos 2015



Jamuan Penutup

PROGRAM INSPIRASI MERDEKA

Nor Aini binti Hassan
Muzium Perak

Sempena bulan kemerdekaan, Jabatan Muzium Malaysia dan RTM Malaysia telah menjalankan kerjasama untuk menganjurkan program “Inspirasi Merdeka” di Muzium Perak pada 15 Ogos 2015. Di antara pengisian program tersebut adalah seperti pertandingan melukis potret Perdana Menteri, Pengkisahan Sejarah dan Treasure Hunt. Seramai 100 orang pelajar telah menyertai program tersebut iaitu terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Perempuan Treacher Methodist Taiping dan pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Kamunting. Bagi memeriahkan acara tersebut pelawat yang hadir juga turut dihiburkan dengan persembahan artis tempatan seperti Anis Suraya, Ali Terra Rossa dan Qierra. Di samping itu, pelawat juga berpeluang memenangi berbagai-bagai jenis hadiah melalui soalan-soalan kuiz yang disediakan di sepanjang program tersebut berlangsung. Hadiah-hadiah tersebut adalah sumbangan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, RTM Malaysia dan Jabatan Muzium Malaysia. Program tersebut berjaya menarik seramai 6000 orang pelawat berkunjung ke Muzium Perak.



Pertandingan melukis potret Perdana Menteri sedang dijalankan di galeri A.



PAMERAN TEH DAN AROMA DAUN HIJAU DI MUZIUM NEGARA

Zuniwati binti Ab. Rahman

(zuniwati@jmm.gov.my) (MUZIUM NEGARA)

Muzium Negara telah mengadakan satu pameran yang bertajuk Aroma Daun Hijau yang merujuk kepada keharuman daun teh atau nama saintifiknya *Camellia Sinensis* yang begitu popular di lebih seratus buah negara dan lebih di seluruh dunia. Pameran ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai keistimewaan daun teh serta amalan minum teh yang menjadi sebahagian dari budaya masyarakat di seluruh dunia termasuklah di Malaysia.

Pameran ini dibahagikan kepada beberapa segmen seperti pengenalan, jejak-jejak teh, jenis-jenis teh, budaya teh dan kepelbagaian teh di Malaysia. Koleksi yang dipamerkan terdiri daripada pelbagai jenis peralatan menyediakan teh, set teko dan cawan teh dari pelbagai negara serta pelbagai jenis sampel daun teh. Pengunjung juga berpeluang mencuba permainan komputer yang menguji kebolehan mereka mengutip sebanyak mungkin daun teh dalam masa 10 saat. Lebih menarik lagi, pameran ini turut menggunakan *Holographic Display System* sebagai satu kaedah interaktif untuk menambah daya tarikan pameran kepada pelawat.

Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan di sepanjang berlangsungnya pameran ini. Di antaranya termasuklah Bengkel Kenali Teh, *Happy Tea Gathering*, Demonstrasi Upacara Teh Cina, Demonstrasi Teh Tarik dan DIY Tea Bag.



Apa itu Geopark?

Degor Anak Johia

(Bahagian Penyelidikan & Dokumentasi)

Langkawi Geopark telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 1 Jun 2007. Ia merupakan geopark pertama di Malaysia dan Asia Tenggara serta geopark yang ke-52 di seluruh dunia.

Geopark merujuk kepada sesuatu kawasan yang mempunyai aspek sejarah geologi, formasi menarik pelbagai jenis batuan, landskap unik dan indah. Ia menarik dan penting dari sudut pandangan para akademik dan mempersonakan dari sudut pandangan orang awam. Apa yang terdapat di dalamnya mempunyai nilai warisan yang boleh dihayati dan wajar dipelihara.

Takrifan Geopark oleh UNESCO

Geopark di bawah UNESCO diberi takrif lebih luas dan praktikal di mana geopark bukan sahaja mengenai batuan tetapi juga merangkumi kegiatan masyarakat di dalamnya. Ini termasuklah aktiviti ekonomi, khususnya yang berkaitan dengan pelancongan. Geopark mempunyai tiga komponen iaitu konservasi (memelihara warisan bernilai dalam geopark), pembangunan pelancongan (menggiatkan aktiviti ekonomi, khususnya pelancongan dalam geopark) dan pembangunan sosioekonomi (menggalakkan penyertaan masyarakat dalam geopark, termasuk perniagaan dan kebudayaan).



Nilai Warisan Geologi

Secara umumnya nilai warisan geologi boleh dilihat dari dua perspektif iaitu nilai ekstrinsik dan nilai intrinsik. Nilai ekstrinsik ialah nilai luaran atau nilai yang berkaitan diantara interaksi manusia dengan alam semulajadi. Nilai ini selalu dikaitkan dengan keluarbiasaan, kekaguman dan keindahan. Manakala nilai intrinsik pula ialah nilai dalaman yang meliputi ilmu pengetahuan atau nilai yang berkaitan dengan komposisi, asal mula, evolusi, sejarah dan rekod-rekod peristiwa silam. Dalam konteks warisan geologi di Malaysia, empat (4) bentuk nilai telah diperkenalkan iaitu nilai saintifik, estetik, rekreasi dan budaya (Ibrahim Komoo, 2000).

- a) Nilai saintifik – Penjelasan mengenai kepentingan sumber warisan geologi dari aspek rekod sejarah geologi dan geomorfologi, kepelbagaian batuan, mineral, fosil, tekstur, struktur serta landskap atau geotapak yang boleh dijadikan sebagai 'makmal' pendidikan.
- b) Nilai estetik – nilai ini lazimnya berkaitan dengan keindahan, keunikan dan keluarbiasaan berasaskan bidang geosains.
- c) Nilai budaya – nilai yang berkaitan dengan hubungan budaya masyarakat setempat seperti kehidupan seharian, kepercayaan, tempat ibadat, tapak sejarah, arkeologi dan perlombongan.
- d) Nilai rekreasi – berpotensi sebagai tapak rekreasi seperti pantai, pergunungan dan kawasan perkelahan.



RENTETAN SEJARAH 50 TAHUN MUZIUM NEGARA

Roslelawati Abdullah
Muzium Negara (roslelawati@imm.gov.my)

Muzium Selangor telah siap untuk diduduki pada tahun 1904, walau bagaimanapun kerja-kerja pengumpulan koleksi untuk muzium ini telah bermula lebih awal iaitu sejak tahun 1901 oleh Leonard Wray, Kurator Muzium Perak pada masa itu. Wray kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Muzium pada 17 Mac 1904 selepas kedua-dua buah muzium tersebut digabungkan sebagai Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Segah namanya, semegah itulah juga bangunan Muzium Negara yang tersergam indah di hadapan Jalan Travers, Kuala Lumpur. Diilhamkan dengan semangat kebangsaan yang tulen, Muzium Negara tampil unik dan tersendiri dengan menjunjung aspirasi budaya dan identiti sebuah bangsa yang baru merdeka pada masa itu. Bangunan Muzium Negara yang indah ini telah dirasmikan pada 31 Ogos 1963 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.

Keunikan reka bentuk bangunan Muzium Negara ternyata telah mencipta identiti yang tersendiri sehingga ramai di antara kita yang lupa bahawa Muzium Negara telah wujud seawal tahun 1953. Ketika itu, Muzium Negara hanya terdiri daripada sebuah bangunan satu tingkat berukuran 60 x 24 kaki. Bangunan tersebut dibina atas inisiatif Pesuruhjaya Tinggi, Gerald Templer di tapak yang sama berdirinya bangunan Muzium Negara pada hari ini. Tapak tersebut merupakan tapak asal Muzium Selangor (1904) yang musnah ketika Perang Dunia Kedua. Kekangan kewangan menyebabkan bangunan tersebut dibina dalam saiz yang lebih kecil bertepatan dengan fungsinya sebagai sebuah muzium sementara sebelum projek pembinaan bangunan muzium yang sebenar dilaksanakan (Peacock 1957:22). Muzium yang disebut sebagai 'the Federation's miniature National Museum' oleh akhbar the Malay Mail ini telah dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada 11 Februari 1953 (The Malay Mail, 11 Februari 1953).

Usaha Templer menubuhkan bangunan muzium sementara ini telah memberi sumbangan yang besar dalam pemeliharaan khazanah negara khususnya dalam menangani masalah koleksi yang bertebaran selepas kemusnahan Muzium Selangor pada masa itu. Bagaimanapun, ini bukanlah kali pertama usaha dibuat untuk membina sebuah muzium baru. Terdahulu, iaitu pada tahun 1947, H.T Pagden, seorang entomologis dari Jabatan Perhutanan yang ketika itu memangku tugas sebagai Pengarah Muzium pernah mengemukakan kertas cadangan projek pembinaan muzium yang baru. Projek ini bagaimanapun gagal dilaksanakan berikutan pengisytiharan Darurat di Tanah Melayu pada masa itu (Sheppard 1964: 34).

Selepas negara mencapai kemerdekaan, muzium tersebut telah ditukar namanya sebagai 'Muzium Negara sementara' menerusi satu papan tanda hijau dan putih yang diletakkan pada bahagian atas pintu masuk bangunannya. Pada penghujung Disember tahun 1961, bangunan Muzium Negara sementara ini akhirnya dirobohkan untuk memberi laluan kepada pembinaan bangunan kekal Muzium Negara (Lai, Chee Kien 2007: 70&72).



Dalam satu penulisannya pada tahun 1964, Mubin Sheppard pernah membayangkan bahawa Muzium Negara yang ada pada hari ini tidak mungkin wujud seandainya peristiwa pengeboman Muzium Selangor tidak pernah berlaku. Menurut beliau, "... If the B.29 Bomb-Aimer had aimed his bomb sights more accurately in March 1945, there would be no Muzium Negara today, and the capital of Malaysia might have suffered for years to come from the Flemish style of architecture and Victorian type of display which were the legacy of the old Selangor Museum". (Sheppard 1964: 34).

Kenyataan Mubin Sheppard membayangkan kecenderungannya yang tinggi untuk melihat seni dan budaya tempatan mendominasi reka bentuk seni bina negara apatah lagi untuk

sebuah bangunan yang bakal mengisi dan mempamerkan khazanah budaya dan sejarah sebuah bangsa yang baru merdeka pada ketika itu. Keprihatinan Sheppard terhadap perkara ini menyebabkan beliau pernah menolak pelan bangunan baru Muzium Negara yang dicadangkan oleh arkitek Jabatan Kerja Raya (PWD), Ivor Shipley kerana senibina yang didakwa beliau tidak memperlihatkan ciri-ciri budaya tempatan (Nooridayu Ahmad Yusuf & Nathaniel Woon 2010: 7). Seorang penulis, Zuraini Md. Ali menerusi tulisannya mendedahkan bahawa Sheppard pernah membayangkan rekabentuk muzium yang dihasratkannya menerusi lakaran beliau pada muka hadapan sebuah naskhah lama *Federation Museums Journal* Vol. VII tahun 1962 milik beliau (Zuraini Md. Ali 2010: 59). Namun, oleh kerana Sheppard bukanlah seorang arkitek mahupun pereka, beliau terus mengejar impian itu dengan mencari khidmat profesional yang boleh membantu merealisasikan hasratnya.



Ternyata Sheppard selepas itu tidak silap membuat percaturan apabila memilih Ho Kok Hoe, seorang arkitek di Singapura yang dikenalnya menerusi hasil-hasil lukisan beliau yang pernah dipamerkan di sebuah pameran di Kuala Lumpur (Lai, Chee Kien 2007: 72). Ho Kok Hoe menerima tawaran Sheppard dan telah memberi komitmen yang tinggi untuk tugas ini. Akhirnya, impian Sheppard berjaya direalisasikan sekaligus menzahirkan hasrat Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman sebagai pencetus idea penubuhan bangunan tetap Muzium Negara yang mengimpikan sebuah bangunan muzium dengan identiti tempatan.

Dalam ucapannya pada hari perasmian bangunan Muzium Negara, Tunku merakamkan penghargaannya kepada Ho Kok Hoe dan menyifatkan bangunan tersebut sebagai 'landmark of beauty, dignity and originality'. Meskipun Muzium Negara dikritik sebagai 'rumah hutan' oleh sebuah akhbar Amerika, Tunku menyifatkan kritikan itu sebagai tidak berasas dan dibuat kerana cemburu dengan keunikan tersendiri bangunan Muzium Negara yang 'tidak mungkin boleh ditemui di London atau New York' (Siaran Akhbar Pembukaan Muzium Negara - Ucapan Perdana Menteri). Seperti Tunku, Sheppard turut menyatakan rasa bangganya dan menganggap bangunan Muzium Negara sebagai 'salah satu bangunan raya yang pertama yang nyata corak ketimurannya' dan 'menunjukkan dengan nyata bentuk paras kesenian Melayu yang pernah didirikan di Kuala Lumpur' (Sheppard, 1963). Bangunan ini jelas telah berjaya membentuk simbol budaya tempatan tersendiri yang jauh daripada unsur dan pengaruh senibina asing yang sebelumnya menjadi asas kepada rekabentuk bangunan di negara ini.



Tanggal 31 Ogos 2013 yang lalu, Muzium Negara yang kini berada di bawah pengurusan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah meraikan sambutan ulang tahun ke-50 perasmian bangunannya. Bangunan Muzium Negara yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia sejak setengah abad dahulu kini kekal menjadi antara mercu tanda tersohor negara. Selepas 50 tahun, Muzium Negara masih terus gagah berdiri meskipun lanskap persekitarannya telah banyak berubah akibat projek-projek pembangunan yang sedang giat dijalankan di sekelilingnya. Panorama keindahan mural bangunan Muzium Negara yang dahulunya saujana mata memandang kini terselindung di sebalik bangunan-bangunan pencakar langit. Ketika ini juga, kerja-kerja pembinaan terowong MRT yang bakal menghubungkan akses Muzium Negara - KL Sentral sedang rancak dijalankan di bahagian bawah tanah bangunannya. Projek yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017 ini bakal memberi impak yang besar kepada Muzium Negara apabila keseluruhan lanskap di bahagian hadapan bangunannya juga akan berubah sama sekali. Adalah menjadi harapan agar apa yang telah dikorbankan atas nama pembangunan itu akan mendatangkan manfaat yang besar dalam jangka panjang demi kelangsungan sebuah institusi permuziuman utama di Malaysia, Muzium Negara.

Bibliografi:

Lai, Chee Kien, 2007. *Building Merdeka: Independence Architecture in Kuala Lumpur 1957-1966*, Galeri Petronas, Kuala Lumpur.

Nooridayu Ahmad Yusuf & Nathaniel Woon, 2010. *Muzium Negara*, Massa Monographs, Selangor.

Sheppard, Mubin 1964. "The Bombing of the Selangor Museum", dlm. *Malaya in History* Vol. 8 No. 2, Apr. 1964, hlm. 32-34

Zuraini Md. Ali, "Tan Sri Dato' Dr. Mubin Sheppard: Pioneer in the Conservation of Historical Buildings in Malaysia, 1950 – 1994", dlm. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* Vol. 83 Part 2, Dec. 2010 hlm. 59

Sumber Arkib:

The Malay Mail, 11 Februari 1953.

Peacock, B.A.V., 1957. *A Report on Museums in Malaya*.

Teks ucapan Perdana Menteri dlm. *Siaran Akhbar Pembukaan Muzium Negara*, Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu.

Sheppard, Mubin 1963. *Pembukaan Muzium Negara Persekutuan Tanah Melayu*.



KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA ANJURAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.

NORITAH Binti JAMLIN
noritah@jmm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (JMMWPL) telah mengadakan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja pada 12 hingga 13 Oktober 2015 yang lalu. Dalam kursus ini, pihak JMMWPL telah menjemput tiga agensi luar iaitu Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Wilayah Persekutuan Labuan, National Institute of Occupational Safety And Health (NIOSH) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Seramai 19 orang pegawai dan kakitangan JMMWPL yang hadir sebagai peserta dalam kursus ini.


Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman dan pendedahan kepada pegawai dan kakitangan terhadap aspek keselamatan dan perlindungan diri serta aspek kesihatan. Dalam tempoh dua hari berkursus, sebanyak enam buah modul telah disentuh oleh para penceramah meliputi keselamatan fizikal, dokumen, peribadi dan kesihatan pekerja. Selain itu, modul bantuan asas kecemasan dan praktikal bantuan kecemasan turut dijalankan.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah banyak memberi pendedahan ilmu dan info terkini berkenaan aspek keselamatan fizikal, dokumen dan perlindungan diri. Selain dapat meningkatkan kesedaran terhadap kakitangan Jabatan Muzium Malaysia khususnya perihal penguatkuasaan undang-undang mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja di bawah kuasa perundangan NIOSH.



STRUKTUR KAIN SARUNG

Sarong Structure



Bagi wanita di alam Melayu, kedudukan kepala kain yang terletak di punggung dikatakan sudah menjanda, di bahagian hadapan dikira masih sunti dan di sisi kiri atau kanan dikira sudah mendirikan rumahtangga. Manakala masyarakat Peranakan Nyonya pula kebiasaannya meletakkan kepala kain di bahagian hadapan dan ia berbeza dengan kaum wanita Melayu Pantai Timur, yang lebih selesa meletakkannya di bahagian belakang.





Kepala kain sarung yang diletakkan di belakang dan ikatan tindih kasih adalah cara pemakaian kain sarung bagi wanita Pantai Timur Malaysia.



Wanita Peranakan Cina juga gemar menggunakan ikatan yang sama. Perbezaannya cuma kepala kain diletakkan di bahagian hadapan.



Ikatan ombak mengalun sesuai digayakan dengan baju kurung teluk belanga yang sangat terkenal di negeri Johor.



Kain batik sarung yang dihiaskan dengan sehelai lagi kain batik sarung diluarnya yang dikenali sebagai berdagang luar amat disukai oleh wanita pada era dahulu ketika berbaju kurung.



Gaya pemakaian batik sarung di kalangan kaum lelaki yang bekerja sebagai nelayan. Kain batik sarung yang diletakkan di bahu dijadikan semutar dan apabila solat, kain yang sama juga dijadikan sejadah.



Baju Kedah menjadi pilihan wanita Melayu untuk ke bendang atau lading dan dipadankan dengan batik sarung berikat jejak kasih yang berselisih di hadapan dan memakai kelubung sebagai penutup kepala.

PERKONGSIAN ILMU BERSAMA AHLI SEJARAHWAN, LYNETTE SILVER: MERUNGKAI MISTERI CHIMNEY

Alice Jipius
alice@jmm.gov.my

Perkongsian ilmu bersama oleh Puan Lynette Ramsay Silver bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (JMMWPL) anjuran Muzium Chimney telah diadakan pada 19 Oktober 2015. Puan Lynette Silver merupakan seorang ahli sejarawan, penyelidik dan penulis buku sejarah yang mengkhusus kepada sejarah perang umumnya dan sejarah Perang Dunia Kedua khususnya

Perkongsian ilmu ini telah diadakan secara tertutup yang hanya disertai oleh Kelab Sejarah Perang Dunia Kedua dari Australia dan kakitangan JMMWPL berjaya mendapat liputan eksklusif daripada surat khabar Daily Express. Selepas sesi perkongsian selesai, Puan Lynette telah menyerahkan hasil kertas kajian beliau di hadapan Menara Chimney. Sesi perkongsian ilmu ini diharap dapat memberi nilai tambah dalam pendokumentasian kajian mengenai Menara Chimney.



BICARA DUNIA MELAYU: TRADISI PELAYARAN MELAYU

Bicara Dunia Melayu: Tradisi Pelayaran Melayu telah diadakan pada 29 November 2015 di Auditorium, Jabatan Muzium Malaysia. Ia dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Abdul Ghafar Bin A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dua orang pembentang yang sememangnya pakar berkaitan dengan pembuatan perahu dan juga Undang-undang Laut telah dijemput sebagai pembentang kertas kerja. Pembentang pertama ialah Tuan Haji Yusof bin Abdullah (Pengarah, Lembaga Muzium Negeri Terengganu) yang membentangkan tajuk “Orang Melayu dan Alam Kelautan”. Manakala pembentang kedua iaitu Professor Madya Ahmad Jelani bin Halimi (Pensyarah, Universiti Utara Malaysia) telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk “Undang-undang Laut”.

Objektif Program Bicara Dunia Melayu ialah untuk memberi dan meluaskan ilmu pengetahuan peserta tentang kehebatan masyarakat Melayu dalam ilmu pelayaran. Peserta dapat mengetahui kehebatan Melayu dalam ilmu pelayaran kerana ia dikupas secara terperinci oleh dua orang pembentang yang sememangnya pakar dalam bidang yang berkaitan

Bicara Dunia Melayu : Tradisi Pelayaran Melayu ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari pelbagai pihak iaitu dari agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK), agensi-agensi luar di bawah KPK, pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta, pesara dan juga orang perseorangan iaitu seramai 301 peserta.

Bagi memeriahkan lagi program Bicara Dunia Melayu : Tradisi Pelayaran Melayu, turut diadakan sesi jualan buku yang disertai oleh Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia dan juga dari kedai buku Pustaka Ilmu serta jualan pastri dan kek oleh Penjara Bentong di ruang legar auditorium.



PROGRAM SMART KIDS 2015

Program Smart Kids 2015 di KLCC Aquaria merupakan sebahagian daripada program Out Reach Muzium Alam Semulajadi bersama-sama dengan Muzium Negara. Bertemakan 'Kembali Ke Alam Pra Sejarah' (Back to Stone Age), fokus pengisian program memberi tumpuan dalam memberikan pendedahan kepada pengunjung berkaitan cara hidup masyarakat Pra Sejarah. Terdapat lima aktiviti disediakan dan perlu disertai oleh kanak-kanak berusia antara 5 hingga 12 tahun yang bermula dari pencarian fosil, penggunaan batu dalam penghasilan api, membuat rantai menggunakan cengkerang, melukis menggunakan arang dan memasang tulang dinosaur. Pengunjung yang berjaya melaksanakan kesemua aktiviti akan diberikan hadiah berupa pensil warna manakala ibu bapa yang hadir telah mengambil kesempatan untuk mengisi Borang Soal Selidik selain mendapatkan maklumat berkaitan Jabatan Muzium Malaysia. Program berlangsung selama dua hari bermula 9 hingga 20 Oktober 2015 dan telah mendapat sambutan yang baik dari pengunjung.



BENGKEL KURASI TULANG GAJAH

Pada 19 hingga 22 Oktober 2015, Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Bengkel Kurasi Tulang Gajah bertempat di Muzium Alam Semula jadi, Presint 15, Putrajaya. Bengkel ini diadakan bertujuan mempelajari anatomi gajah dan kaedah penyediaan spesimen untuk tujuan pameran. Kaedah-kaedah yang dipelajari termasuk kaedah pembersihan, penyusunan dan kaedah mencantumkan rangka tulang gajah.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk:

- Memberi kefahaman dan tunjuk ajar kepada peserta kursus bagaimana pemasangan tulang dilakukan bagi tulang yang berskala besar
- Pengenalan asas cara-cara pembersihan tulang dengan menggunakan kaedah dan bahan yang bersesuaian seperti melapah, pereputan (maceration), pengkomposan, kumbang dermestid serta penggunaan bahan kimia seperti Hydrogen Peroxide untuk tujuan pemutihan tulang
- Penjagaan dan faktor-faktor yang boleh merosakkan kesejahteraan spesimen setelah rangka tulang spesimen siap didirikan

Dr. Norman Affendi Osman, telah diundang sebagai tenaga pengajar untuk menjayakan bengkel tersebut. Seramai 21 peserta telah menyertai bengkel ini yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia, dan masing-masing seorang peserta dari Universiti Malaysia Sabah dan Muzium Geologi, Perak. Diharapkan bengkel ini dapat member manfaat kepada para peserta tentang kaedah dan teknik penyediaan tulang-tulang berskala besar di masa akan datang.

Judul : Koleksi Muzium Negara: Penerokaan Sejarah dan Budaya


ISBN : 978-967-0372-12-9

Ketebalan : 266 Muka Surat

Harga : RM61.00 (Kulit Nipis)/RM82.00(Kulit Tebal)

Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2014

Buku ini mengandungi koleksi- koleksi terpilih yang terdapat di gedung khazanah Negara ini. Kesemua koleksi yang dipaparkan berkaitan artifak di Muzium Negara. Kesemua koleksi yang dipaparkan dalam buku ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan telah dikumpul serta dipelihara mengikut piawaian muzium. Penerbitan buku ini merupakan penerokaan terhadap koleksi yang merupakan satu cerminan dan jalan cerita tentang sejarah dan budaya Negara. Buku ini hanya terdapat dalam Bahasa Malaysia sahaja.



Judul : SENI Bina MALAYSIA: WARISAN DALAM KEPELBAGAIAN


ISBN : 978-967-0372-18-1

Ketebalan : 130 Muka Surat

Harga : RM49.00 (Kulit Nipis)/RM90.00(Kulit Tebal)

Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2014

Penerbitan buku ini adalah selaras dengan matlamat untuk menghimpunkan maklumat kepelbagaian yang terdapat dalam seni bina di Malaysia. Buku ini dihasilkan daripada penyelidikan dan pengumpulan bahan mengupas secara umum mengenai pendekatan yang merangkumi sejarah, kepercayaan, teknologi dan motif dalam warisan seni bina masyarakat Malaysia. Buku ini dihasilkan bersempena penjenamaan semula Muzium Seni Bina, Jabatan Muzium Malaysia yang merupakan muzium khusus yang ditubuhkan bagi perkembangan seni bina yang terdapat di seluruh Malaysia. Buku ini terdapat dalam Bahasa Malaysia sahaja.





Jabatan Muzium Malaysia

Muzium-Muzium di Bawah

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

www.jmm.gov.my



MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK
TAIPING PERAK



GALERIA PERDANA,
LANGKAWI



MUZIUM MATANG,
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING,
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,
SEPARANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,
JOHOR



MUZIUM LABUAN,
LABUAN



MUZIUM ENTOLOGI DUNIA MELAYU,
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,
LABUAN



MUZIUM LUKUT,
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,
PUTRAJAYA



MUZIUM MUZIK
KUALA LUMPUR

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255

Faks: (+603) 2282-6434 <http://www.jmm.gov.my>

KUNJUNGILAH
MUZIUM